

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/10/2008

Inisiatif Pak Lah ganggu pengganti – Dr. Mahathir

JOHOR BAHRU 9 Okt. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membawa inisiatif-inisiatif baru dalam tempoh enam bulan terakhir pentadbiran akan mengganggu kepimpinan kerajaan seterusnya.

Bekas Perdana Menteri itu menegaskan, perubahan sewajarnya dibawa oleh pengganti Abdullah dan sebarang inisiatif yang dilaksanakan akan memberi kesan kepada pentadbiran akan datang.

"Dia (Pak Lah) tak boleh buat benda itu (inisiatif), dia patut bagi orang yang ganti dia buat benda tu, kalau dia pi buat yang tu, orang (selepas) ini tak boleh buat apa," katanya pada majlis Hari Raya Aidilfitri anjuran Kelab Penyokong UMNO laman web MYKMU.net di sini hari ini.

Semalam Abdullah yang mengumumkan hasratnya untuk tidak bertanding jawatan Presiden UMNO pada Mac tahun depan menyatakan hasrat untuk membawa tiga inisiatif dalam tempoh terakhir pentadbirannya.

Inisiatif itu adalah termasuk menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang diberi mandat dalam pelantikan hakim, membentangkan rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah di Parlimen dan menubuhkan Suruhanjaya Aduan Khas bagi memperkukuhkan integriti dan keberkesanan agensi penguatkuasaan.

Menurut Mahathir, Abdullah tidak mempunyai tempoh yang cukup untuk memastikan pelaksanaan pembaharuan berkenaan dan ia hanya menyalutkan lagi keadaan.

"Kita jangan buat *decision* (keputusan) kepada orang yang nak ganti kita... dia (sebelum ini) ada lima tahun kenapa dia tak buat dulu," katanya.